



VISI

Peneraju Transformasi Pertubuhan Peladang dan Peladang Progresif dalam Sektor Pertanian.

MISI

Membangun Pertubuhan Peladang sebagai Pemberi Perkhidmatan Berkesan bagi Melahirkan Peladang Progresif

DASAR KUALITI

Kami beriltizam memberikan perkhidmatan profesional untuk menguruskan PP yang berkualiti dan membangunkan peladang progresif ke arah menjadi pengeluar utama makanan negara

PIAGAM PELANGGAN

Kami beriltizam memberikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti bagi mencapai wawasan LPP menjadi peneraju pembangunan PP yang unggul dan cemerlang dengan melaksanakan misi membangunkan PP sebagai pemberi perkhidmatan yang berkesan ke arah ahli peladang progresif

- Mengeluarkan keputusan Pembiayaan/ Pinjaman Kumpulan Wang Pertubuhan Peladang dalam tempoh 21 hari bekerja.
- Mengeluarkan keputusan pembiayaan di bawah Tabung Pinjaman Sewa Pajak dalam tempoh 1 bulan.
- Mengeluarkan keputusan Pinjaman Tabung Usahaniaga Peladang (TPUP) dalam tempoh 21 hari bekerja.
- Mengeluarkan surat panggilan kursus bagi anggota/peladang tidak kurang 14 hari dari tarikh kursus diadakan.
- Mengeluarkan aduan dan mengemukakan maklumbalas kepada pengadu dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Mengemaskini laman web LPP dalam tempoh 3 hari bekerja selepas maklumat diterima daripada penyedia maklumat (content provider)
- Menyedia dan mengemaskini Laporan Prestasi Kelulusan Projek Pembangunan dalam tempoh 5 hari bekerja untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan LPP Ibu Pejabat.
- Mengeluarkan Surat Tawaran Jawatan (Kenaikan Pangkat/Lantikan Baru) dalam tempoh 14 hari dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan LPP.
- Memastikan bil dan tuntutan yang lengkap dibayar tidak lewat dari tempoh 14 hari dari bil yang diterima.
- Mengemukakan laporan Pemantauan Projek kepada Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan LPP Negeri dalam tempoh 7 hari bekerja selepas lawatan.
- Memberi keputusan perundangan ke atas semua permohonan yang lengkap oleh Pertubuhan Peladang berkaitan dengan kuasa pendaftar tidak melebihi tempoh 14 hari bekerja.
- Mengeluarkan laporan Juruaudit Pendaftar dan Penyata Kewangan dalam tempoh 21 hari bekerja.